

# BAB 2

# Memperkasa

# Usaha

# Pencegahan

# Rasuah

## **KEPERLUAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI DALAM KONTEKS SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK**

SPANS menyedari betapa perlunya menangani masalah rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan salah laku integriti dalam Jabatan. Kelekaan dan kecuaiian untuk menangani masalah rasuah dan integriti di dalam jabatan bukan sahaja boleh menjejaskan imej organisasi malah boleh menyebabkan hasil dan kedaulatan negara tergadai ke tangan pihak yang tidak sewajarnya. Melangkah ke hadapan, Pengurusan Tertinggi SPANS telah menetapkan perancangan yang jauh lebih fokus dan berstruktur untuk memastikan visi “Sebuah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang diteladani” dapat direalisasikan seiring dengan aspirasi Negara supaya “Malaysia dikenali kerana integriti bukannya rasuah”.

Sebagai usaha melahirkan warga kerja yang bebas dari rasuah, Pengurusan Tertinggi SPANS berazam untuk mewujudkan usaha pencegahan rasuah yang strategik dan komprehensif untuk tempoh lima tahun akan datang. Dalam hal ini, Kerangka Pelan Antirasuah SPANS 2022-2026 telah menetapkan perancangan yang berstruktur dan berfokus bagi memastikan usaha antirasuah ini dapat direalisasikan seiring dengan aspirasi Pelan Antirasuah Kebangsaan (NACP).

Pelan ini telah menetapkan tiga (3) bidang keutamaan yang menjadi teras utama dalam usaha memerangi rasuah. Bidang keutamaan tersebut ialah Pengurusan Sumber Manusia dan Tadbir Urus; Kewangan, Perolehan dan Pengurusan Aset; dan Pengurusan Sistem. Strategi yang dikenal pasti melalui tiga (3) bidang keutamaan ini adalah untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan sumber manusia dan tadbir urus, memperkukuhkan pematuhan terhadap tatacara kewangan, perolehan, dan pengurusan aset dan akhir sekali mengukuhkan tatacara pengurusan sistem maklumat SPANS. Strategi yang digariskan ini menjurus pada tiga (3) objektif strategik yang meliputi 11 inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun akan datang.

# KERANGKA PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI SPANS (2022 – 2026)

## VISI

Sebuah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang diteladani

## MISI

Memperkasakan tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan melalui penerapan 6 nilai-nilai Bersama Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS)

## MATLAMAT

1. Tadbir Urus yang baik
2. Meningkatkan reputasi dan kepercayaan masyarakat terhadap Perkhidmatan Awam

BIDANG KEUTAMAAN	STRATEGI	OBJEKTIF STRATEGIK
Pengurusan Sumber Manusia & Tadbir Urus	Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Pengurusan Sumber Manusia dan Tadbir Urus	Merekayasa Perkhidmatan Awam ke Arah Tadbir Urus Baik
Pengurusan Kewangan, Perolehan & Aset Alih	Memperkukuhkan Pematuhan Terhadap Tatacara Perolehan, Kewangan dan Aset Alih	Memperkukuhkan Kecekapan dan Kawalan Pengurusan Kewangan dan Perolehan.
Pengurusan Sistem Maklumat	Mengukuhkan Tatacara Pengurusan Sistem Maklumat	Meningkatkan Integriti Pengurusan Sistem dan Kawalan Keselamatan Data/Maklumat

# RINGKASAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI SPANS


- 3 Bidang Keutamaan
- 3 Strategi
- 3 Objektif Strategik
- 10 Risiko
- 11 Inisiatif
- 11 Jangka Pendek (1-2 tahun)
- 0 Jangka Sederhana (3-4 tahun)
- 0 Jangka Panjang (5 tahun)

# ANALISIS KUADRAN

Analisis Kuadran di bawah menggambarkan keutamaan bagi **11** inisiatif yang dikenal pasti berdasarkan **10** risiko yang telah ditemui. **11** inisiatif ini dikelaskan mengikut tahap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaannya.



Secara ringkas, terdapat **7** inisiatif berada dalam kelompok **Kuadran A** yang senang dilaksanakan namun berimpak tinggi kepada organisasi. **2** inisiatif berada dalam kelompok **Kuadran B** yang juga berimpak tinggi kepada organisasi tetapi memerlukan usaha yang lebih gigih untuk dicapai. **2** inisiatif lagi dikelompokkan dalam **Kuadran C** yang mudah dilaksanakan dan berimpak rendah.



**KOMPLEKSITI** : Kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif

**IMPAK** : Kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif


# DAFTAR INISIATIF BERDASARKAN KUADRAN DAN STRATEGI

Bil	Inisiatif	Kuadran	Strategi
1	Memastikan tatacara pengendalian fail terperingkat dan penyimpanan dokumen terperingkat dipatuhi	B	Strategi 1
2	Memantau pengurusan permohonan pinjaman peribadi kakitangan	C	Strategi 1
3	Mengadakan program kolaborasi bersama AADK untuk mengawal salahguna dadah dan bahan terlarang	A	Strategi 1
4	Automasi proses senarai tapis system <i>eRecruitment</i> sejajar dengan inisiatif digital Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak	B	Strategi 1
5	Mengukuhkan pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> untuk pegawai-pegawai yang terlibat dalam proses perolehan	A	Strategi 2
6	Memastikan kajian pasaran dibuat sebelum membuat perolehan	A	Strategi 2
7	Mengukuhkan kawalan dalaman pengurusan kutipan wang awam	A	Strategi 2
8	Mewujudkan kawalan dalaman proses membuat tuntutan	A	Strategi 2
9	Memastikan pemeriksaan mengejut dilaksanakan oleh pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Pengawal	A	Strategi 2
10	Meningkatkan Kesedaran Pematuhan kepada Tatacara Pengurusan Keselamatan ICT	A	Strategi 3
11	Memastikan Dasar Keselamatan ICT Negeri Sarawak dipatuhi	C	Strategi 3

# PELAN TINDAKAN



# BIDANG KEUTAMAAN: PENGURUSAN SUMBER MANUSIA & TADBIR URUS



**STRATEGI 1**

**MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN  
PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN TADBIR URUS**

**OBJEKTIF STRATEGIK 1.1**

**Merekayasa Perkhidmatan Awam ke Arah Tadbir Urus Baik**

## STRATEGI 1


MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN  
PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN TADBIR URUS

## OBJEKTIF STRATEGIK 1.1

## Merekayasa Perkhidmatan Awam ke Arah Tadbir Urus Baik

Bil	Risiko	Inisiatif		Peneraju	Tempoh Masa
1.1.1	Kegagalan pematuhan SOP tatacara pengendalian dokumen terperingkat	1.1.1.1	Memastikan tatacara pengendalian fail terperingkat dan penyimpanan dokumen terperingkat dipatuhi	Seksyen Pentadbiran & Sumber Manusia	1 Tahun
1.1.2	Keberhutangan kewangan yang serius	1.1.2.1	Memantau pengurusan permohonan pinjaman peribadi kakitangan	Seksyen Pentadbiran & Sumber Manusia	1 Tahun
1.1.3	Penyalahgunaan dadah dan bahan terlarang	1.1.3.1	Mengadakan program kolaborasi bersama AADK untuk mengawal salahguna dadah dan bahan terlarang	Seksyen Pentadbiran & Sumber Manusia	1 Tahun
1.1.4	Manipulasi data dalam pemilihan calon semasa proses senarai tapis	1.1.4.1	Automasi proses senarai tapis system <i>eRecruitment</i> sejajar dengan inisiatif digital Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak	Seksyen Pengambilan	2 tahun

# BIDANG KEUTAMAAN: PENGURUSAN KEWANGAN PEROLEHAN & ASSET ALIH



## STRATEGI 2

**MEMPERKUKUHKAN PEMATUHAN TERHADAP TATACARA PENGURUSAN KEWANGAN, PEROLEHAN DAN ASET ALIH**

## OBJEKTIF STRATEGIK 2.1

**Memperkukuh Kecekapan dan Kawalan Pengurusan Kewangan dan Perolehan**

## STRATEGI 2


MEMPERKUKUHKAN PEMATUHAN TERHADAP TATACARA PENGURUSAN KEWANGAN, PEROLEHAN DAN ASET ALIH

## OBJEKTIF STRATEGIK 2.1

Memperkuh Kecekapan dan Kawalan Pengurusan Kewangan dan Perolehan

Bil	Risiko	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa	
2.1.1	Pakatan dalam memilih pembekal yang sama	2.1.1.1	Mengukuhkan pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> untuk pegawai-pegawai yang terlibat dalam proses perolehan	Seksyen Kewangan	1 Tahun
		2.1.1.2	Memastikan kajian pasaran dibuat sebelum membuat perolehan	Seksyen Kewangan	1 Tahun
2.1.2	Pemalsuan dokumen berkaitan tuntutan dan baucar bayaran	2.1.2.1	Mewujudkan kawalan dalaman proses membuat tuntutan	Seksyen Kewangan	1 Tahun
2.1.3	Ketidakpatuhan di bawah Arahan Perbendaharaan 308 (Pemeriksaan mengejut)	2.1.3.1	Memastikan pemeriksaan mengejut dilaksanakan oleh pegawai yang diturunkan kuasa oleh pegawai pengawal	Seksyen Kewangan	1 Tahun
2.1.4	Ketirisan dalam kutipan wang awam yang diterima	2.1.4.1	Mengukuhkan kawalan dalaman pengurusan kutipan wang awam	Seksyen BPKNS	1 Tahun

# BIDANG KEUTAMAAN: PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT



<b>STRATEGI 3</b>	<b>MENGUKUHKAN TATACARA PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT</b>
<b>OBJEKTIF STRATEGIK 3.1</b>	<b>Meningkatkan Integriti Pengurusan Sistem dan Kawalan Keselamatan Data/Maklumat</b>

**STRATEGI 3****MENGUKUHKAN TATACARA PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT****OBJEKTIF STRATEGIK 3.1****Meningkatkan Integriti Pengurusan Sistem dan Kawalan Keselamatan Data/Maklumat**

<b>Bil</b>	<b>Risiko</b>		<b>Inisiatif</b>	<b>Peneraju</b>	<b>Tempoh Masa</b>
3.1.1	Penyalahgunaan kuasa menjual maklumat di dalam sistem ICT / perkongsian maklumat tanpa kebenaran kepada pihak luar	3.1.1.1	Meningkatkan kesedaran pematuhan kepada Tatacara Pengurusan Keselamatan ICT	Seksyen Pengurusan Kualiti, ICT dan Informatik	1 tahun
3.1.2	Ketidakpatuhan kepada SOP penggunaan ID sistem dengan memberi kata laluan kepada pihak luar untuk mengakses sistem ICT organisasi	3.1.2.1	Memastikan Dasar Keselamatan ICT Negeri Sarawak dipatuhi.	Seksyen Pengurusan Kualiti, ICT dan Informatik	1 tahun